

Dalam masa 10 tahun, 40,000 guru terlatih akan ditambah

# Ambil alih sekolah: Mahathir pastikan

UM. 12 OGO 1975

**K**UALA LUMPUR, 11 Ogos — Kementerian Pelajaran pasti akan mengambil alih empat buah sekolah di negara ini untuk dijadikan Pusat Latihan Guru Sementara mulai tahun depan, termasuk Sekolah Kebangsaan Jalan Raja Muda di sini.

Menterinya, (Dr. Mahathir Mohammed menegaskan hari ini bahawa langkah tersebut bertujuan untuk menampung keperluan latihan perguruan yang semakin bertambah, demi kepentingan pelajaran kebangsaan.

Tiga buah sekolah lagi yang terlibat itu ialah: Sekolah Kebangsaan Perempuan Kangar di Perlis, Sekolah Rendah Kebangsaan Teruntum di Pahang dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Perempuan Jalan Northam di Pulau Pinang.

Dr. Mahathir berkata demikian selepas menemui para wakil Persatuan Ibubapa Sekolah Kebangsaan Jalan Raja Muda di sini yang telah mengunjunginya untuk mengemukakan bantahan mereka di atas langkah tersebut.

Bercakap kepada para pemberita kemudiannya, Dr. Mahathir berkata, beliau terpaksa bertindak seperti yang dirancangan kerana bilangan guru-guru sementara semakin bertambah dari tahun ke setahun.

Sekarang ini terdapat lebih



DR. MAHATHIR

12,000 orang guru sementara kesemuanya di seluruh negara.

Menurutnya, keputusan mengambil alih sekolah itu dibuat setelah kementerian mendapati bilangan murid-muridnya semakin merosot dan lain-lain segi akademik yang tidak menggalakkan.

Contohnya, Sekolah Kebangsaan Jalan Raja Muda di sini sekarang hanya mempunyai 324 orang murid berbanding dengan 1,200 orang dalam tahun 1962 lalu.

Beliau lalu menasihatkan ibubapa murid-murid yang terlibat

supaya menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah yang berhampiran tahun depan.

Beliau berkata, dengan pembukaan pusat latihan guru itu nanti lebih ramai lagi guru-guru sementara dapat diberi latihan setiap tahun, dan lebih ramai murid-murid akan dapat faedah daripadanya.

Dr. Mahathir menambah, matlamat kerajaan ialah untuk menambah 40,000 orang guru-guru terlatih dalam masa 10 tahun yang akan datang dari jumlah yang ada sekarang seramai 80,000 orang.

Langkah itu ialah untuk memperbaiki nisbah guru-kelas dan guru-murid untuk meningkatkan mutu pelajaran di negara ini kata beliau.

Nisbah yang dimaksudkan ialah 1.4 guru untuk satu kelas dan seorang guru bagi 35 murid.

Yang Dipertua Persatuan Ibubapa Sekolah Kebangsaan Jalan Raja Muda, Encik Bidin Subari meminta kementerian menimbang semula langkahnya itu berdasarkan faktor-faktor yang terdapat di dalam memorandum yang diserahkan kepada Dr. Mahathir.

Katanya, memorandum seperti itu akan dihantar kepada Menteri Besar Selangor, Dato' Haji Harun Idris, Biro Pelajaran UMNO Malaysia dan Wakil Rakyat Setapak Haji Idris Ibrahim.